



## **DOKUMEN SEBUT HARGA**

**UNTUK**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN MESIN PENYALIN  
DIGITAL UNTUK SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
SEBUT HARGA MyCC(S) BIL. 11/2024**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)  
Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.  
TEL: 03-2273 2277  
FAX: 03-2272 2293**

**Peringatan :**

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN SEBUT HARGA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT SEBUT HARGA TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	KENYATAAN SEBUT HARGA	3
2.0	ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA	4
3.0	PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN	4
4.0	MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT	5
5.0	PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	5
6.0	PERTANYAAN	7
7.0	HARGA TAWARAN	7
8.0	MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK BALIK TAWARAN	7
9.0	KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI	7
10.0	KADAR DENDA	8
11.0	TEMPOH SAH LAKU TAWARAN	8
12.0	SURAT SETUJU TERIMA SEBUT HARGA	8
13.0	PERUBAHAN SYARAT-SYARAT	8
14.0	TEMPOH PEMBEKALAN	9
15.0	PENAMATAN PERSETUJUAN	9
16.0	PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	9
17.0	PENERIMAAN SEBUT HARGA	10
18.0	SYARAT-SYARAT TAMBAHAN	10
19.0	PERTIKAIAN	10

<b>LAMPIRAN</b>	<b>NAMA LAMPIRAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
LAMPIRAN A	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL	11
LAMPIRAN A1	JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	12
LAMPIRAN A2	CONTOH KATALOG	18
LAMPIRAN A3	CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN/PENGHANTARAN	19
LAMPIRAN A4	SENARAI NAMA PROJEK YANG PERNAH DILAKSANAKAN	20
LAMPIRAN B	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN	21
LAMPIRAN B1	SURAT AKUAN PEMBIDA	23
LAMPIRAN B2	SALINAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN DARI KEMENTERIAN KEWANGAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN)	25
LAMPIRAN B3	SALINAN SALINAN SIJIL AKAUN BUMIPUTERA DARI KEMENTERIAN KEWANGAN SEKIRANYA ADA	26
LAMPIRAN B4	LAMPIRAN Q	27
LAMPIRAN B5	BORANG KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL	31
LAMPIRAN B6	JADUAL HARGA	34
LAMPIRAN B7	SALINAN PENYATA KEWANGAN YANG LENGKAP BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR	35

Semua penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak SURUHANJAYA.

## **1.0 KENYATAAN SEBUT HARGA**

### **1.1 Tujuan Sebut harga**

- 1.1.1 Sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dalam bidang bekalan dan perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan untuk membuat sebut harga pada masa ini untuk bekalan dan perkhidmatan yang tersebut di atas.
- 1.1.2 Pelawaan ini adalah terikat kepada arahan–arahan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

### **1.2 Tempoh Sebut harga**

- 1.2.1 Tempoh Sebut Harga bagi perolehan ini adalah selama **22 hari kalendar bermula pada 19 Disember 2024 (Khamis)** dan **tarikh tutup sebut harga adalah pada 09 Januari 2025 (Khamis)**.
- 1.2.2 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan tawaran **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 09 Januari 2025 (Khamis)**. Tawaran yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

## **2.0 ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA**

**Penyebutharga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga.**

### **2.1 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA**

- 2.1.1 Semua syarikat-syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti berikut:
  - i. **221502 : *PENYEWAAN DAN PENGURUSAN MESIN DAN PERALATAN PEJABAT***
- 2.1.2 Salinan surat Pendaftaran Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

- 2.1.3 Penyebutharga ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat **bertaraf bumiputera** ataupun **bukan bumiputera**. Bagi syarikat yang bertaraf bumiputera, salinan Sijil Taraf Bumiputera daripada Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.
- 2.1.4 Sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan (selepas ini dipanggil "Dokumen Sebut harga"). Borang-borang lain tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang asal yang mengandungi ruang-ruang yang sama dan serupa dari segi ukurannya.
- 2.1.5 Penyebutharga mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memiliki pengalaman dalam perkhidmatan berkaitan;
- 2.1.6 Penyebutharga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan Penyebut Harga ditolak.

### **3.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN**

- 3.1 Semua pembetulan / pindaan ke atas kesilapan – kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani secara ringkas oleh orang yang menandatangani Dokumen Penyebutharga serta dicop dengan Cop Syarikat penyebutharga. Tandatangani ringkas dan pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas dan setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda.

### **4.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT**

- 4.1 Penyebutharga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat dengan melengkapkan **Lampiran B5** dan menyertakan **Profil Syarikat**.
- 4.2 Penyebutharga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam perkhidmatan yang tersebut di atas dengan mengemukakan nama-nama dan alamat syarikat atau agensi yang terlibat **Lampiran A4**.

### **5.0 PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 5.1 Tawaran Sebut harga yang diserahkan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
  - i. **Kategori Teknikal**
    - (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.

- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama dengan Tawaran Teknikal secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecaciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Teknikal di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper envelope* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Teknikal**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

ii. **Kategori Kewangan**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah di jilidkan bersama dengan Tawaran Harga secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecaciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Harga di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper envelope* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

5.2 Kategori Kewangan di atas hendaklah disertakan dengan **DOKUMEN SOKONGAN** yang mengandungi: **Sijil Pendaftaran Kewangan, Pendaftaran Taraf Bumiputera (sekiranya ada), Profil Syarikat, Penyata Bank yang lengkap bagi tiga (3) bulan terakhir dan lain-lain maklumat tambahan** berkaitan **DAN** dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:

**BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT  
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)  
Tingkat 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.**

**MyCC(S) Bil.11/2024**

5.3 Penyebut harga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga yang lengkap dan sempurna diisi secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti

Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga seperti di alamat berikut:

**BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT  
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)  
Tingkat 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.**

- 5.4 Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen sebut harga dihantar pada tarikh yang telah ditetapkan sebelum atau pada **09 Januari 2025** selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- 5.5 Suruhanjaya tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung, jika berlaku kelewatan, kehilangan atau lain-lain keatas sebut harga yang dihantar. Sebut harga yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.
- 5.6 Serahan Dokumen Sebut Harga secara emel/faks **Tidak Akan Dipertimbangkan.**
- 5.7 Semua dokumen yang dikemukakan bersama Dokumen Sebut Harga oleh Penyebutharga adalah menjadi hak milik SURUHANJAYA dan tidak akan dikembalikan.
- 5.8 SURUHANJAYA tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Tawaran Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tersebut. SURUHANJAYA juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Sebut Harga dan keputusan SURUHANJAYA adalah muktamad.
- 5.9 **Tarikh tutup** bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari, pada 09 Januari 2025 (Khamis).**
- 5.10 Pihak Suruhanjaya berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

## **6.0 PERTANYAAN**

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini bolehlah menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah:

**En Alif Ariff**  
**Tel: 03-2273 2277 (222)**  
**Emel: [alif@mycc.gov.my](mailto:alif@mycc.gov.my)**

ATAU

**Cik Noor Haffini**  
**Tel: 03-2273 2277 (204)**  
**Emel: [haffini@mycc.gov.my](mailto:haffini@mycc.gov.my)**

## **7.0 HARGA TAWARAN**

- 7.1 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebutharga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

## **8.0 MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN**

- 8.1 Penyebutharga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran dibuat. Jika penyebutharga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebutharga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib, termasuk penggantungan pendaftaran.

## **9.0 KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI**

- 9.1 Keperluan dan spesifikasi bagi perkhidmatan yang diperlukan dalam Sebut harga ini adalah dinyatakan dalam Jadual Spesifikasi Teknikal seperti di dalam **Lampiran A1** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.

## **10.0 KADAR DENDA**

- 10.1 Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Suruhanjaya, penyebut harga dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Suruhanjaya. Sekiranya penyebut harga gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Suruhanjaya berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan denda seperti berikut :

**Setelah penerimaan peralatan sempurna dalam tempoh sewaan, Kerajaan berhak mengenakan denda sebanyak 1% daripada nilai Sewa Peralatan bagi setiap satu hari Kerajaan tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan disewa.**



- 10.2 Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan penyebut harga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau seumpama, Suruhanjaya boleh membenarkan pelanjutan tempoh kerja-kerja tersebut dengan syarat penyebut harga perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

#### **11.0 TEMPOH SAH LAKU TAWARAN**

- 11.1 Tempoh sah laku sebut harga ini ialah selama **90 hari** bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

#### **12.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA**

- 12.1 Suruhanjaya tidak terikat dengan sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan sebut harga adalah muktamad. Suruhanjaya tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari penyebut harga berkenaan atas sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

#### **13.0 PERUBAHAN SYARAT-SYARAT**

- 13.1 SURUHANJAYA sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh SURUHANJAYA, peralatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- 13.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran, maka harga peralatan yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua – dua pihak secara bertulis.

#### **14.0 TEMPOH PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN**

- 14.1 Tempoh bekalan/perkhidmatan adalah selama **dua (2) tahun** selepas tarikh surat setuju terima sebut harga.

#### **15.0 DUTI SETEM**

- 15.1 Mana-mana duti setem yang perlu dibayar dan perbelanjaan yang berbangkit mengenai perjanjian ini akan ditanggung oleh penyebut harga.

#### **16.0 PENAMATAN PERSETUJUAN**

- 16.1 SURUHANJAYA berhak menamatkan sesuatu persetujuan.

- i. Dengan memberi notis bertulis kepada penyebut harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya SURUHANJAYA boleh terus menamatkan persetujuan; atau
- ii. Jika penyebut harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini; atau
- iii. Jika penyebut harga itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Penyebutharga itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan - keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan; atau
- iv. Jika SURUHANJAYA mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa penyebut harga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan penyebut harga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak SURUHANJAYA untuk mendapatkan balik ganti rosak.

## **17.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- 17.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 17.2 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## **18.0 PENERIMAAN SEBUT HARGA**

- 18.1 Suruhanjaya berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi/skop bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran sebut harga.

## **19.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

Syarat –syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

## 19.1 **PEMBAYARAN**

- 19.1.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat berdasarkan invois yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Persaingan berserta dengan salinan akaun bank syarikat.

## 19.2 **PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHKAN UNDANG-UNDANG**

- 19.2.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya syarikat, kakitangan, perkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh syarikat dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada Syarikat untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.
- 19.2.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- 19.2.3 Pihak-pihak bersetuju bahawa Syarikat tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

## 20.0 **PERTIKAIAN**

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara SURUHANJAYA dengan Penyebut harga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara SURUHANJAYA dengan Penyebutharga, dirujuk kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh SURUHANJAYA dan seorang oleh Penyebutharga. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

**DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2*****(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)*****KATEGORI TEKNIKAL****MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Teknikal. Penyebut Harga hendaklah memastikan Kategori Teknikal **tidak menyatakan nama atau logo syarikat** dan lengkap diisi yang merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut Harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.11/2024 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Teknikal
1.	Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal yang telah diisi dan dilengkapi <b>Lampiran A1</b>			
2.	Contoh Katalog Produk <b>Lampiran A2</b>			
3.	Cadangan Jadual Pelaksanaan <b>Lampiran A3</b>			
4.	Senarai Nama Projek Yang Pernah Dilaksanakan dilabelkan <b>Lampiran A4</b>			

**JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**

BIL.	PERKARA	SPEKIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CATATAN
<b>1.0</b>	<b>SPESIFIKASI TEKNIKAL MESIN</b>			
1.1	Mesin Penyalin Berwarna & Hitam Putih Dengan Pelbagai Fungsi (Menyalin, Mencetak, Mengimbas dan Faks)	Jenama: Model: Tahun Pengeluaran: Tahun 2022 dan ke atas		
1.2	Memori	Jumlah memori tidak kurang daripada 4GB.		
1.3	<i>Hard Disk</i>	Tidak kurang daripada 128GB.		
1.4	<i>Power Consumption in Sleep Mode</i>	Tidak melebihi 0.5W. Mempunyai fungsi <i>auto shut-off mode</i> .		
1.5	Teknologi Dokumen <i>Feeder</i>	Dokumen <i>Feeder</i> adalah standard dan boleh mengimbas depan belakang ( <i>duplex</i> ) dokumen pada satu masa yang sama.		
1.6	Kapasiti Dokumen <i>Feeder</i>	Muatan tidak kurang daripada 110 helai dokumen asal. Dokumen <i>feeder</i> boleh menerima pelbagai jenis saiz kertas pada masa yang sama.		

BIL.	PERKARA	SPEKIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CATATAN
1.7	Kapasiti Dulang Standard <i>(Paper Capacity)</i>	Tidak kurang 1,000 helaian.		
1.8	Kapasiti Keberatan Kertas	Tray 1 – between 50gms to 250gms Bypass – between 50gms to 250gms Feeder – between 38gms to 128gms		
1.9	Jumlah Dulang <i>(Standard Paper Tray)</i>	Sekurang-kurangnya empat (4) <i>paper tray</i> Tray 1 & 2 : 500 helaian Tray 3 : 500 helaian Tray 4 : 500 helaian		
1.10	<i>Bypass Tray</i>	Sekurang-kurangnya 95 Helaian.		
1.11	Saiz Kertas	Sekurang-kurangnya saiz A5 sehingga saiz A3.		
1.12	Masa Pemanasan <i>(Warm-Up Time)</i>	Tidak melebihi 30 saat.		
1.13	<i>Multitasking</i>	Mesin berupaya menjalankan tiga (3) kerja serentak pada masa yang sama seperti menyalin, mencetak dan mengimbas pada masa yang sama. <i>(copy, print, scan)</i> .		

BIL.	PERKARA	SPEKIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CATATAN
1.14	<i>Template (One Touch Program Button)</i>	Fungsi-fungsi yang biasa boleh dua (2) program untuk digunakan melalui satu sentuhan sahaja.		
1.15	<i>Duplex Automatic Document Feeder (RADF)</i>	Sekurang-kurangnya 110 helai.		
1.16	Kapasiti Pengimbas/ Pencetak	<i>Scan-once-print-many.</i>		
1.17	<i>Networking Printing Ready</i>	Mesin berupaya mencetak dari komputer. <i>(wireless/ cable printing).</i> <i>Compatible with Windows &amp; Apple OS.</i>		
1.18	<i>Page Description Language (PDL)</i>	PCL5 PCL6 Postscript 3		
1.19	Pengimbas	Mengimbas ke E-mel.		
<b>2.0</b>	<b>SPESIFIKASI PENYALINAN (COPY)</b>			
2.1	Kelajuan Penyalin ( <i>Copy Speed</i> )	Kelajuan tidak kurang daripada 55 helai A4 seminit.		

BIL.	PERKARA	SPEKIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CATATAN
2.2	Pemilihan imej	Boleh memilih imej sama ada: (a) <i>text mode (pptx, docx, xlsx)</i> (b) <i>text/ photo mode (pptx, docx, xlsx, pdf, jpeg, tiff, xps)</i> (c) <i>photo mode (pdf, jpeg, tiff, xps)</i>		
2.3	Resolusi	(a) <i>scanning</i> 600 x 600dpi (b) <i>copying</i> 600dpi x 600dpi (c) <i>printing</i> 1,200 dpi x 1,200 dpi		
2.4	Jumlah Set	Jumlah set yang boleh di cetak adalah sehingga 999 set.		
2.5	Percetakan Pertama ( <i>First Copy Output Time</i> )	Tidak lebih daripada 5 saat.		
<b>3.0</b>	<b>LAIN-LAIN SPEKIFIKASI</b>			
3.1	Penghantaran, Pemasangan dan Latihan	Penghantaran, pemasangan dan latihan adalah diberi secara percuma. Latihan tambahan akan diberi secara percuma jika diperlukan.		



BIL.	PERKARA	SPEKIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CATATAN
3.2	Jaminan Servis	Jaminan <i>response time</i> dan tindakan untuk panggilan kerosakan tidak melebihi dari tiga (3) jam.		
3.3	Pemasangan Rangkaian Hubungan ( <i>Networking</i> ) Antara Mesin Penyalin Dengan Komputer Kakitangan MyCC	Pemasangan dan penyediaan kabel <i>networking</i> dan <i>installation</i> pada komputer kakitangan MyCC diberi secara percuma.		
3.4	Pembekalan <i>Consumables</i> , Penukaran Alatan Ganti, Servis Penyelenggaraan dan Duti Setem.	Percuma sepanjang tempoh sewaan.		
<b>4.0</b>	<b>MAKLUMAT PENYELENGGARAAN</b>			
4.1	Perkhidmatan dan Penyelenggaraan (Mandatori)	<p>(a) Penyelenggaraan mesin mestilah daripada <i>Local Principal Company/ authorized dealer</i> sepanjang tempoh sewaan mesin (Sila nyatakan prinsipal).</p> <p>(b) Membekalkan alat-alat ganti, <i>toner, drum</i> yang tulen dan asli.</p> <p>(c) Waktu penyelenggaraan adalah seperti berikut: Isnin - Jumaat: 8.30 pagi - 5.00 petang.</p>		

BIL.	PERKARA	SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CATATAN
		Sabtu & Ahad atau Cuti Umum: 8.30 pagi -5.00 petang (Bergantung kepada arahan MyCC)		
4.2	Tindak Balas	Penyelenggaraan, pembaikan dan servis dalam masa dua (2) jam.		
4.3	Penyelenggaraan dan Servis	Penyelenggaraan dan servis percuma sebulan dua kali dan jika diperlukan.		
4.4	Latihan	Latihan khas pengguna (Tanpa had masa dan bilangan pengguna).		
4.5	Nama dan No Telefon	Jurutera servis dan penyelenggaraan.		

Contoh Katalog Produk

## **LAMPIRAN A3**

Cadangan Jadual Pelaksanaan/Penghantaran

**1. Senarai Nama Projek/Kajian Yang Pernah Dilaksanakan :**

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Tahun Projek Dilaksanakan</b>	<b>Tempoh Perlaksanaan</b>	<b>Organisasi</b>	<b>Nilai Projek (RM)</b>	<b>Jumlah Kakitangan yang terlibat</b>
<b>1.</b>						
<b>2.</b>						
<b>3.</b>						
<b>4.</b>						
<b>5.</b>						
<b>6.</b>						
<b>7.</b>						
<b>8.</b>						

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.

**DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2**

***(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)***

**KATEGORI KEWANGAN**

**MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Kewangan. Penyebut Harga hendaklah memastikan Kategori Kewangan adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut Harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.11/2024 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Harga
1.	Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapi dan ditandatangani <b>Lampiran B1</b>			
2.	Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan dan Sijil Pendaftaran SSM <b>Lampiran B2</b>			
3.	Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Sekiranya ada) <b>Lampiran B3</b>			
4.	<b>Lampiran Q</b> yang telah dilengkapi dan ditandatangani <b>Lampiran B4</b>			
5.	Keterangan Mengenai Pembekal <b>Lampiran B5</b>			

<b>NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.11/2024 (sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</b>				
<b>No.</b>	<b>Dokumen Yang Perlu Diserahkan</b>	<b>Sila Tanda (√)</b>		
		<b>Ditanda oleh Penyebut Harga</b>	<b>Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga</b>	<b>Muka Surat di Tawaran Harga</b>
6.	Jadual Harga Bagi Spesifikasi yang telah diisi dan dilengkapkan <b>Lampiran B6</b>			
7.	Penyata Kewangan yang lengkap Bagi Tiga (3) Bulan terakhir (Oktober 2024, November 2024 & Disember 2024) <b>Lampiran B7</b>			

### **PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....  
 Nama Prinsipal :  
 No. K.P :  
 Tarikh :  
 Cop Syarikat :

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

Bagi

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

**SEBUT HARGA MyCC(S) BIL. 11/2024**

Saya, (*Nama Wakil Syarikat*) \_\_\_\_\_ nombor kad pengenalan \_\_\_\_\_ yang mewakili (*Nama Syarikat*) \_\_\_\_\_ no.pendaftaran (*MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB*) \_\_\_\_\_ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini :

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa-

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan \*di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau



3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....  
Nama : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Tarikh : .....  
Cop Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

## **LAMPIRAN B2**

(Sila lampirkan Salinan Sijil Akaun Pendaftaran dari Kementerian Kewangan dan Sijil Pendaftaran SSM)

## **LAMPIRAN B3**

Salinan lampirkan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan  
(Sekiranya ada)

**LAMPIRAN B4**

(Kew. 284 – Pin. 2/94)

**LAMPIRAN Q**

**No. Sebut Harga:  
MyCC (S) Bil. 11/2024**

**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)  
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN**

Kepada (Nama Syarikat) .....

.....

No. Telefon .....

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan .....

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan  
dengan pembelian ini: **221502**

**Sebut Harga Bagi Perolehan  
Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin  
Digital Untuk Suruhanjaya Persaingan  
Malaysia (MyCC)  
Sebut Harga MyCC(S) Bil. 11/2024**

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh Suruhanjaya  
(Alamat Lengkap)

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)  
Bahagian Pengurusan Korporat  
Menara SSM@Sentral, Level 15,  
No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur  
Sentral, 50623 Kuala Lumpur.**

No. Telefon 03-2273 2277.....

Tarikh Pelawaan: **19 Disember 2024 (Khamis)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan Seperti di dalam dokumen sebut harga.....

1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki Dua (2) tahun.....

1.3 Arahan Pengiriman Bahagian Pengurusan Korporat, Suruhanjaya Persaingan Malaysia.....

1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda  
No. Sebut harga MyCC (S) Bil. 11/2024.....

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **09 Januari 2025 (Khamis), jam 12.00 tengahari.**

1.6 Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup

Tarikh: .....

Tandatangan: t.t.....

Nama Pegawai: Noor Haffini binti Mohd Noor.....

Jawatan: Penolong Pengarah.....

Bahagian Pengurusan  
Korporat, MyCC.....

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh penyebutharga	
	<p><b>Sebut Harga Bagi Perolehan Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin Digital Untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia Sebut Harga MyCC(S) Bil. 11/2024</b></p> <p>1. Mesin Penyalin (Berwarna) – 4 unit 2. Mesin Penyalin (Hitam &amp; Putih) – 2 unit</p> <p>Tarikh Penyerahan/ Penyempurnaan ditawarkan .....</p> <p>* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p>				
				Jumlah	

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah .....

\*wajib nyatakan

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
Penyebutharga: .....

Nama dan K/P: .....

Tarikh : ..... Alamat Syarikat: .....

## **Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN BARANG  
Semua barang hendaklah tulin, baru dan belum digunakan
2. HARGA  
Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan
3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN  
Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item
4. BARANG-BARANG SETARA  
Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi
5. PENYETUJUAN
  - (i) Suruhanjaya tidak terikat untuk menyetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga.
  - (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebutharga yang berasingan.
6. PEMERIKSAAN
  - (i) Suruhanjaya adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
  - (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI  
Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa Barang-barang yang dibekalkan oleh mereka Perkhidmatan adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam piawaian ini.
8. PENOLAKAN
  - (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak.
  - (ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Suruhanjaya segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
  - (iii) Fasal-kecil (i) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Suruhanjaya untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkiran kontrak

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

**BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA**

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

**KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL**

- 1. NAMA SYARIKAT :**
- 2. ALAMAT SYARIKAT :**
- 3. NO. TELEFON :**
- NO. FAX :**
- 4. TARIKH DITUBUHKAN :**
- 5. JENIS SYARIKAT :**
- 6. JENIS PERNIAGAAN :**
- 7. NAMA Pengerusi :**
- 8. KOMPOSISI MODAL :**
- 9. LEMBAGA PENGARAH :**
  - a.
  - b.
  - c.
  - d.
  - e.
- 10. NAMA DAN KEWARGANEGARAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH :**
  - a.
  - b.
  - c.
  - d.



**11. PENDAFTARAN SYARIKAT :**

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh ditubuhkan :

**12. PENDAFTARAN PERBENDAHARAAN :**

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh Mula Pendaftaran :
- c. Bidang Pendaftaran :
  - i.
  - ii.
  - iii.
  - iv.

**13. STATUS SYARIKAT :**

- a. 100% Kepunyaan Syarikat Tempatan
- b. Perkongsian Antara syarikat Tempatan/ Luar Negeri
- c. Syarikat Luar Negeri
- d. Lain- Lain (Sila Nyatakan)

**14. PERATURAN KAKITANGAN :**

- a. Bumiputera
- b. Bukan Bumiputera

**15. MODAL :**

- a. Modal Dibenarkan :
- b. Modal Berbayar :

**16. BANK :**

- a. Nama Bank :
- b. No. Akaun Bank :

**17. BILANGAN KAKITANGAN :**

	<b>Bumiputera</b>	<b>Bukan Bumiputera</b>	<b>Lain-Lain</b>
Pentadbiran/Pengurusan			
Teknikal/ Profesional			
Lain-Lain (nyatakan)			

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.

**Saya memperakui segala keterangan yang disertakan adalah benar.**

T/TANGAN PENYEBUT HARGA : \_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_

JAWATAN RASMI DALAM SYARIKAT : \_\_\_\_\_

T/TANGAN SAKSI : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_

JAWATAN : \_\_\_\_\_

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)  
Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

**LAMPIRAN B6****JADUAL TAWARAN HARGA DAN RINGKASAN HARGA**

<b>BIL.</b>	<b>KETERANGAN SPESIFIKASI</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARGA SEUNIT/BULAN (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
<b>Sewaan Komputer Riba bagi tempoh dua (2) tahun (<u>Februari 2025-Januari 2027</u>)</b>				
<b>1.0</b>	<b>Mesin Penyalin (Berwarna)</b>	<b>4</b>		
<b>2.0</b>	<b>Mesin Penyalin (Hitam &amp; Putih)</b>	<b>2</b>		
<b>3.0</b>	<b>Lain-lain perkhidmatan</b>			
<b>4.0</b>	<b>SST (8%)</b>			
<b>JUMLAH KESELURUHAN TAWARAN HARGA UNTUK DUA TAHUN</b>				

## **LAMPIRAN B7**

Sila lampirkan Penyata Kewangan yang lengkap tiga (3) bulan terakhir  
(October, November & Disember 2024)